



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتنْ هَالْ اَهْوَالْ اِاْمَا اِسلامْ نِغِريْ سَابَاْ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

05 REJAB 1447H / 26 DISEMBER 2025M

“MEDIA SOSIAL: MANFAAT ATAU FITNAH?”

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾ (النور: 19)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

JAMAAH MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan seluruh jamaah sekalian agar sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya takwa. Sesungguhnya ketakwaan itu akan memandu kita dalam setiap gerak langkah, termasuklah dalam kehidupan kita di alam digital yang semakin luas dan mencabar hari ini. Hari jumaat adalah hari yang dimuliakan Allah, hari yang padanya terkumpul limpahan rahmat, keberkatan dan peluang keampunan, maka sungguh rugilah sesiapa yang mensia-siakan kemuliaan ini dengan kelalaian, terutama apabila masa yang sepatutnya diisi dengan zikir, solat, dan mendengar khutbah bukannya dibazirkan dengan media sosial yang melalaikan hati dan memalingkan jiwa

daripada mengingat Allah. Oleh itu, tajuk khutbah pada hari ini ialah ***“Media Sosial: Manfaat Atau Fitnah?”***

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Di dunia hari ini, fitnah lebih laju daripada angin yang meniup awan di Gunung Kinabalu. Sekeping gambar tanpa konteks mampu menjatuhkan maruah. Sekeping video tanpa fakta mampu menggoncang keharmonian. Satu status bernada amarah mampu meretakan hubungan sesama manusia. Sepertimana yang telah dibacakan di awal khutbah sebentar tadi firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebah tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian).”*

Media sosial pada asalnya adalah nikmat. Ia pintu penyambung kasih antara keluarga yang jauh. Ia jendela ilmu yang terbuka seluasnya. Ia jambatan dakwah yang menghubungkan para pencari ilmu dengan para ulama. Ia tempat manusia berkongsi kebaikan, motivasi dan harapan. Dalam dunia yang serba mendesak ini, media sosial pernah dan masih menjadi tempat sebahagian hati mencari ketenangan dan jawapan.

Namun, nikmat yang tidak diurus dengan iman akan berubah menjadi ujian. Dan ujian yang tidak disertai takwa akan bertukar menjadi fitnah. Hari ini, media sosial bukan sahaja menyebarkan maklumat, tetapi juga sama seperti membuka pekung di dada. Ia bukan sahaja menyatukan, bahkan memecahbelahkan. Ia bukan sahaja menghiburkan, tetapi menjerat manusia ke dalam kemurungan, iri hati dan kelalaian. Sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin Asim R.A, Rasulullah SAW bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Maksudnya: *“Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarinya (tanpa tabayyun).”* (HR Muslim)

SIDANG JAMAAH JUMAAT DIBERKATI ALLAH SWT,

Dalam dunia yang serba terbuka ini, muncul satu penyakit halus yang meresap ke dalam hati tanpa disedari. Ada manusia yang menjadi hamba kepada pujian dan perhatian sesama makhluk. Setiap perbuatan ingin direkod dan dimuat naik. Setiap kebaikan ingin dihebahkan. Setiap ibadah ingin ditunjukkan. Jika manusia tidak memuji, hatinya gelisah. Jika tiada yang memberi perhatian, jiwanya terasa kosong. Maka inilah digelar sebagai penyakit riyak moden yang berlegar-legar dalam masyarakat.

Ketahuiilah wahai jamaah sekalian, media sosial bukanlah tempat kita mencari nilai diri. Nilai diri itu terletak pada pandangan Allah, bukan pada jumlah *"likes"* bagi setiap pautan, gambar dan *"posting"* kita mahupun *"followers"* atau pun rakan kita di media sosial. Nilai jiwa itu ditentukan oleh iman dan akhlak, bukan oleh populariti dan perhatian manusia.

Rasulullah SAW pernah bersabda yang diriwayatkan oleh Mahmud Bin Labid:

إِنَّ أَخَوْفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ الشِّرْكَ الْأَصْغَرَ، قَالُوا: وَمَا الشِّرْكَ الْأَصْغَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: الرِّيَاءُ، يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِذَا جُزِيَ النَّاسُ بِأَعْمَالِهِمْ: اذْهَبُوا إِلَى الَّذِينَ كُنْتُمْ تُرَاءُونَ فِي الدُّنْيَا، فَانْظُرُوا هَلْ تَجِدُونَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً؟!

Maksudnya: “Perkara yang paling aku takut terjadi pada kalian adalah syirik yang kecil. Para sahabat bertanya: Apa itu syirik yang kecil wahai Rasulullah? Nabi SAW bersabda: Itulah riyak. Allah SWT akan berfirman pada hari kiamat kelak: pergilah kepada orang yang kamu hendak tunjukkan amalan kamu kepadanya di dunia dan lihatlah adakah di sisi mereka itu ganjaran (dengan sebab amalan kamu).” (HR Ahmad)

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Marilah kita renung sejenak, berapa ramai yang mampu menatap telefon sepanjang hari dengan menghabiskan waktu demi waktu dalam lautan skrol yang tiada penghujungnya. Kenapa pada masa yang sama tidak digunakan seketika untuk membaca secara tadabbur ayat suci al-Quran? Mata terbuka setiap pagi bukan untuk menelusuri cahaya Kalam Allah tetapi untuk memeriksa notifikasi (pemberitahuan) dalam media sosial yang silih berganti, seolah-olah hidup hanya berputar di sekeliling mesej dan media sosial.

Lebih menyedihkan, betapa ramai yang hilang masa bersama keluarga kerana terlalu asyik dengan dunia maya, sehingga hubungan dengan orang yang paling dekat terabai. Bukan sahaja kanak-kanak yang perlu dihadkan daripada keterlaluan bermain telefon, bahkan para ibu bapa juga semakin tenggelam dalam arus media sosial tanpa sedar, perhatian dan fokus kepada keluarga serta ibadah semakin terhakis. Inilah zaman di mana kelalaian tidak lagi berlaku di pasar atau di jalanan, tetapi berada di tapak tangan kita sendiri.

Renungkanlah mengapa kita mampu menatap skrin berjam-jam tetapi sukar menyisihkan sedikit waktu untuk mendekatkan diri kepada Allah. Media sosial mampu menjadi manfaat, namun tatkala manusia lupa bahawa setiap kata, setiap komen, setiap perkongsian adalah amanah, maka ia berubah menjadi fitnah yang merobek jiwa masyarakat.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita memperbaharui tekad untuk menggunakan media sosial dengan tanggungjawab dan ketakwaan. Media sosial boleh menjadi jalan menuju syurga jika kita menyebarkan ilmu yang sahih, memberi nasihat yang bermanfaat, mengajak manusia kepada amal soleh dan memberikan kata-kata yang mendamaikan jiwa. Namun ia juga boleh menjadi jalan ke neraka jika kita menyebarkan kebencian, mencaci, berbohong, mengaibkan atau memprovokasi manusia iaitu dengan mencetuskan kemarahan terhadap orang lain.

Maka kembalilah kepada adab. Kembalilah kepada akal waras. Kembalilah kepada iman yang murni. Letakkanlah sempadan pada jari,

sepertimana kita meletakkan sempadan pada hati. Setiap perkongsian adalah cerminan hati kita. Jari kita menulis apa yang hati kita fikirkan. Jika hati bersih, tulisan kita akan baik. Jika hati rosak, tulisan kita mengundang musibah. Oleh itu, sebelum kita memuat naik sesuatu, tanyakanlah kepada diri kita: *“Adakah ini pahala atau dosa? Adakah ini kebenaran atau kebatilan? Adakah ini memperbaiki atau merosakkan?”* Sesungguhnya manusia yang bijak bukan sekadar cepat menulis, tetapi bijak menahan diri daripada menulis sesuatu yang tidak bermanfaat. Allah SWT berfirman dalam surah al-Buruj ayat ke 10 :

إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ الْحَرِيقِ ﴿١٠﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang menimpakan bencana untuk memesongkan orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman, kemudian mereka tidak bertaubat, maka mereka akan beroleh azab neraka Jahannam (kerana perbuatan buruk itu), dan mereka akan beroleh lagi azab api yang kuat membakar (kerana mereka tidak bertaubat).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, Sudan dan negeri Syam sekitarnya. Kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami serta limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami dalam bulan Rejab dan Syaaban dan temukanlah kami dengan bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.